

# Variasi Bahasa

Salah satu aspek yang perlu dipelajari oleh calon BM STPM pada penggalan ketiga, yang berkaitan dengan aspek kebahasaan ialah variasi bahasa. Di bawah ini terdapat beberapa jenis variasi bahasa yang tercatat dalam sukatan pelajaran, iaitu dialek, isoglos, bahasa baku, diglosia, subdialek, idiolek, bahasa kreol, slanga, bahasa formal, bahasa kasar, bahasa istana, bahasa basahan, bahasa pasar, dan bahasa pasar.

## konsep variasi bahasa

Richard Hudson (1966) dalam bukunya, *Sociolinguistics*, mengatakan bahawa variasi bahasa ialah kelainan pertuturan dalam suatu bahasa. Variasi bahasa katanya

dimaksudkan kepada kelainan penggunaan sesuatu bahasa, dan kelainan itu wujud disebabkan oleh faktor geografi atau kawasan, faktor sosial, iaitu berkaitan dengan kumpulan penutur, dan faktor kontekstual, iaitu berkaitan dengan hubungan antara peserta dalam sesuatu konteks ujaran atau pertuturan. Oleh hal yang demikian, timbullah istilah seperti variasi dialek, dan subdialek yang dikaitkan dengan faktor geografi, variasi nasional, variasi baku, dan variasi kontekstual, yang dikaitkan dengan faktor sosial dan budaya. Walau bagaimanapun, penutur lebih biasa dengan penggunaan kata bahasa untuk variasi; maka dengan itu timbullah istilah seperti bahasa daerah, bahasa baku, bahasa formal, bahasa pipin, dan sebagainya.

Pada umumnya, setiap bahasa mempunyai beberapa variasi dan variasi atau kelainan itu bukan sahaja dari segi sebutan atau pertuturan

malah dalam bentuk penulisan juga. Dengan kata lain, penulisan baku juga mempunyai variasi. Sebagai contoh, bahasa baku dalam penulisan bahasa Arab mempunyai dua variasi, iaitu variasi Arab klasik, misalnya bahasa yang digunakan pada zaman Ibn Khaldun, dan variasi kesusasteraan Arab moden, iaitu variasi yang terdapat dalam surat khabar dan yang digunakan oleh penulis kontemporari. Dalam penulisan bahasa Melayu baku juga ada variasi klasik dan variasi moden.

## Beberapa variasi bahasa dalam bahasa Melayu

### Variasi nasional

Sesuatu bahasa itu lazimnya tidak dimiliki oleh sebuah negara sahaja tetapi oleh beberapa buah negara. Hal ini demikian kerana sesuatu bahasa itu boleh tersebar, digunakan dan dimiliki oleh penduduk dalam kawasan geolinguistik yang luas. Sebagai contoh, bahasa Melayu bukan sahaja dimiliki dan dituturkan oleh penduduk di Malaysia, malah oleh penduduk di Brunei, dan di Indonesia. Singapura juga mempunyai penutur jati bahasa Melayu.


Daripada bahasa yang asalnya satu, akan wujud perbezaan dari segi penggunaan unsurnya. Hal ini adalah kerana apabila sesuatu bahasa itu digunakan oleh penduduk di negara yang bertlainan, maka bahasa ini akan mengalami keadaan persekitaran dan menerima pengaruh serta perkembangan yang berbeza. Kelainannya tambah ketara apabila sesebuah negara itu melaksanakan program perancangannya yang tersendiri untuk memajukan dan memodenkan bahasa tersebut sesuai dengan dasar negara. Kesannya, wujudlah variasi nasional yang berbeza, yang masing-masing ditandai oleh ciri-ciri tertentu. Satu perkara yang perlu dimaklumi, walaupun variasi itu memperlihatkan ciri-ciri perbezaan, unsur faham-memahami masih wujud dengan kukuh kerana perbezaan ini hanya merupakan variasi daripada satu bahasa, bukannya daripada bahasa yang berbeza. Hal ini dapat dibuktikan daripada hakikat bahawa kita dapat memahami pertuturan penutur bahasa Indonesia dan bahasa Melayu Brunei.

Dalam konteks yang sebenar, variasi nasional bagi setiap negara mempunyai bentuk standardnya yang tersendiri dan menjadi bahasa kebangsaan bagi negara itu. Variasi melambangkan jati diri bagi negara berkenaan, sesuai dengan kepentingan politik dan kenegaraan negara yang berkenaan. Sebagai contoh, variasi bahasa Melayu di Malaysia, dari segi pertuturan, mempunyai bentuk bakunya yang tersendiri, berbeza daripada bentuk baku pertuturan bagi variasi nasional di Brunei dan di Indonesia. Dengan hanya mendengar pertuturan atau penggunaan bahasa lisan dalam ketiga-tiga variasi itu, kita dapat menentukan yang manakah identiti bagi variasi nasional untuk negara Malaysia, Indonesia, dan Brunei. Perbezaan itu dapat kita lihat dari aspek sebutan, intonasi, ungkapan dan kosa kata. Aspek asas bahasa itu, iaitu dari segi tatabahasa, antara variasi itu tidak wujud perbezaan yang ketara.

### Dialek geografi

Dialek geografi ialah satu variasi bahasa yang dituturkan oleh sekumpulan penutur sesuatu bahasa di sesuatu kawasan atau lingkungan geografi. Dialek geografi disebut juga sebagai dialek daerah, dialek tempatan dan kadang-kadang disebut juga sebagai loghat daerah.

Sesuatu dialek daerah itu memperlihatkan perbezaan bukan sahaja dengan variasi standard tetapi juga dengan dialek yang lainnya. Perbezaan itu dapat dilihat dari segi item linguistik yang tertentu, misalnya dari segi sebutan bagi sesetengah bunyi/fonem, penggunaan sesetengah imbuhan, aspek tertentu dalam binaan frasa, ungkapan dan kosa kata. Kadang-kadang terdapat juga perbezaan dari segi kata ganti nama diri, panggilan kekeluargaan dan kata adjektif tertentu. Walau bagaimanapun, tahap perbezaan itu tidaklah terlalu jauh, malah ada ahli bahasa yang mengatakan bahawa perbezaan aspek kosa kata antara dialek adalah dalam lingkungan 10-15 peratus sahaja. Dengan kata lain, perbendaharaan kata dalam sesuatu dialek itu masih jelas mengekalkan kosa kata dan sistem bahasa asalnya. Oleh sebab itu juga, unsur faham-memahami antara sesuatu dialek dengan dialek yang lainnya dalam



bahasa itu masih wujud dengan ketara. Orang-orang yang memahami itu dapat dikekalkan asas dialek itu, iaitu kosa kata dan bunyinya. Biasanya masih banyak yang sama. Perbezaan bunyinya kelainan itu, antaranya disebabkan oleh perbezaan persekitaran. Contohnya, dialek Melayu di kawasan pantai atau di pedalaman yang berlainan. Sebagai contoh, penutur yang tinggal di kawasan sawah padi atau di ladang getah atau kelapa sawit tidak mempunyai banyak kosa kata dengan perikanan, begitulah juga dengan penutur yang menetap di kampung nelayan. Mungking tidak mempunyai banyak kosa kata tentang aktiviti perikanan.

Perbezaan bahasa Melayu, secara umumnya, antara dialek-dialek yang ketara antara dialek adalah dalam sebutan, terutamanya sebutan bunyi vokal, diftong dan konsonan. Contohnya, dalam sesuatu lingkungan kehadiran dalam perkataan. Di Malaysia, Asmah Hj Omar (2008), terdapat di Semenanjung, manakala tiga lagi di Sarawak. Di Semenanjung dialek Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Pahang, Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Kelantan. Dialek Kedah juga sebagai dialek utara; meliputi Pulau Pinang, dan sebahagian daripada Sabah, terdapat dialek Brunei. Penutur Melayu manakala di Sarawak, dialek Melayu. Setiap dialek itu pula mempunyai subdialek, satu situasi yang menunjukkan bahawa dalam sesuatu dialek wujud perbezaan dalam kalangan penuturnya.

Penelitian yang perlu disedari, dalam perbandingan dialek, tahap pemahaman antara dialek sememangnya berbeza. Penutur bagi dialek yang berdekatan akan memperlihatkan tahap pemahaman yang lebih tinggi berbanding penutur daripada dialek yang jauh

hubungannya dengan mereka. Sebagai contoh, unsur faham-memahami antara penutur dialek Kelantan dengan penutur dialek Terengganu lebih tinggi berbanding dengan tahap pemahaman mereka dengan penutur dialek Negeri Sembilan dan dialek Johor. Hal ini demikian kerana tidak berlaku hubungan yang kerap antara mereka disebabkan batasan geografi. Tiadanya hubungan yang kerap dalam kalangan penutur itu lama-kelamaan akan merenggangkan jarak persamaan pertuturan antara dialek tersebut.

Dialek geografi, dalam penggunaannya tidak mementingkan ketepatan tatabahasa kerana dialek geografi hanya digunakan dalam konteks tidak rasmi, seperti ketika berkomunikasi dengan rakan atau dengan ahli keluarga. Tidak seperti variasi standard, dialek daerah juga tidak mengalami perancangan dari segi perkembangannya, sebaliknya dialek ini berkembang secara semula jadi, dengan dipengaruhi oleh persekitaran, pengaruh yang diterima, dan situasi komuniti penuturnya sendiri.

**Variasi ini kerap disebut sebagai bahasa baku, iaitu variasi bahasa yang diiktiraf, dan diterima sebagai betul dan menjadi rujukan oleh seluruh masyarakat penutur bahasa itu. Oleh itu, apabila timbul sesuatu masalah dalam penggunaan bahasa, maka untuk menentukan bentuk yang betulnya, pengguna akan merujuk variasi baku.**

## Isoglos

Dari segi konsep, *Oxford Dictionary of Linguistics* (2007), mendefinisikan isoglos sebagai satu garisan dalam peta pembahagian kawasan antara dialek yang menunjukkan perbezaan dalam aspek linguistik tertentu, misalnya antara dialek A yang menyebutkan sesuatu bunyi dengan sebutan tertentu dengan dialek B yang menyebutkan jenis bunyi atau fonem yang sama tetapi dengan cara yang berlainan. Dengan kata lain, isoglos merupakan satu garis pemisah antara dialek bagi menunjukkan perbezaan tentang unsur bahasa tertentu yang dituturkan oleh kumpulan penutur dialek berkenaan.

Jika banyak garis isoglos antara dialek itu, maka wujudlah keadaan yang dinamakan sebagai berkas isoglos atau *bundles of isoglosses* dan akan ada antara garis itu yang bertindan atau menjadi satu. Garis isoglos yang bertindan ini disebut sebagai isograf. Dengan kata lain, isograf menunjukkan kesamaan bentuk linguistik, seperti sebutan, kosa kata, dan lain-lain, yang digunakan oleh penutur dialek yang berbeza. Biasanya ini berlaku dalam dialek yang berdekatan dengan garis perempadanan atau isoglos.

## Variasi Baku

Variasi baku atau disebut juga sebagai bahasa standard termasuk dalam kategori variasi sosial dan penggunaannya merentas daerah. Variasi ini kerap disebut sebagai bahasa baku, iaitu variasi bahasa yang diiktiraf, dan diterima sebagai betul dan menjadi rujukan oleh seluruh masyarakat penutur bahasa itu. Oleh itu, apabila timbul sesuatu masalah dalam penggunaan bahasa, maka untuk menentukan bentuk yang betulnya, pengguna akan merujuk variasi baku. Umumnya, variasi baku digunakan oleh penutur yang berpendidikan, seperti golongan profesional, media massa, dan digunakan dalam konteks rasmi, seperti dalam acara rasmi dan urusan surat-menyurat kerajaan. Sesuai dengan fungsinya sebagai variasi bahasa yang menjadi rujukan, maka unsur linguistik dalam bahasa didokumentasikan dalam variasi ini, misalnya dihasilkan tatabahasa yang boleh menjadi pedoman, kamus, daftar istilah, panduan ejaan, dan lain-lain sebagai rujukan kepada seluruh pengguna bahasa itu.

Selain itu, sesuai dengan penggunaannya dalam hubungan rasmi dan merupakan variasi yang berprestij pula, penggunaan variasi baku mematuhi tatabahasa dengan sepenuhnya. Sebagai contoh, ayat yang digunakan merupakan ayat yang lengkap dan gramatis, sebutannya mematuhi panduan sebutan standard, intonasinya betul, serta menggunakan sistem sapaan yang standard.

Oleh sebab variasi baku mengalami perancangan dan pembinaan yang sistematik dan dikendalikan pula oleh badan yang ditubuhkan khusus demi memastikannya dapat berfungsi sebagai bahasa ilmu dan bahasa rasmi, maka banyak kosa kata, khususnya istilah telah dibentuk atau dipinjam daripada bahasa moden di dunia. Dengan demikian, variasi baku mempunyai pelbagai laras, dan jumlahnya bertambah seiring dengan perkembangan bidang ilmu.

Dari sudut lain, variasi baku juga berfungsi sebagai lambang penyatu dan pemisah bagi sesuatu kumpulan penutur tertentu dengan kumpulan penutur yang lain. Sebagai contoh, bahasa Melayu baku di Malaysia menyatukan semua penutur bahasa Melayu di Malaysia yang bukan sahaja terdiri daripada berbagai-bagai dialek tetapi juga terdiri daripada penutur pelbagai kaum. Namun begitu, pada masa yang sama memisahkannya dengan penutur bahasa Melayu di Brunei dan di Indonesia. Walau bagaimanapun, perlu dimaklumi bahawa tidak semua bahasa mempunyai variasi standard dan sesuatu variasi dialek yang dijadikan dasar bagi bahasa standard itu tidak semestinya kekal. Variasi dialek ini mungkin akan digantikan oleh variasi dialek yang lebih dominan.

Penelitian terhadap variasi bahasa seperti di atas membolehkan kita memahami kewujudan kelainan dalam penggunaan sesuatu bahasa mengikut faktor geografi atau kawasan. Kelainan yang bertambah dan berterusan boleh menjarakkan kesamaan antara dialek tersebut dan akhirnya akan wujud bahasa yang baharu, terutamanya jika unsur faham-memahami sudah tiada lagi. Dalam siri akan datang, kita lihat pula beberapa variasi bahasa yang wujud disebabkan oleh faktor sosial dengan ciri-cirinya yang tersendiri. **PB**